

'Tak wajar salah tafsir pandangan Dr Mahathir'

BH- 22/2/2019 m/s: 13

[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

➔ Kenyataan perlu diteliti, dibaca dengan pemahaman lebih mendalam

↳ Hulu Langat

Orang ramai tidak wajar menyalah tafsir pandangan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung pengurangan penjawat awam.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kenyataan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu perlu diteliti dan dibaca dengan pemahaman yang lebih mendalam.

"Saya fikir penjawat awam bijaksana. Elok baca secara teliti kenyataan Tun (Dr Mahathir) kerana beliau tidak bermaksud begitu. Beliau tidak kata nak mengurangkan begitu (drastik).

Konteks lebih luas

"Dr Mahathir menjelaskan supaya mungkin ada satu anjakan baharu. Ada perubahan yang perlu berlaku. Proses industrialisasi, penggunaan teknologi. Sebab itu kenyataannya perlu dibaca dalam konteks yang lebih luas," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Bilik Ge-



Muhyiddin pada sidang media di Bilik Gerakan Utama PH DUN Semenyih, Hulu Langat, semalam.

rakan Utama PH Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih di sini, semalam.

Dr Mahathir ketika lawatan rasminya ke Kementerian Pertahanan dilaporkan berkata, saiz perkhidmatan awam di negara ini terlalu besar dan perlu dikurangkan selaras dengan kedudukan kewangan negara sekarang.

Katanya, ketika ini jumlah kakitangan awam ialah kira-kira 1.7 juta orang menunjukkan peningkatan sehingga hampir 700,000, berbanding ketika beliau bersara sebagai Perdana Menteri pada 2003.

Beliau menyifatkan angka itu terlalu besar, sedangkan kebanyakan kerja dalam sektor ber-



keanaan sudah banyak menggunakan teknologi maklumat dan kemudahan komputer.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, beliau sendiri tidak akan bersetuju jika kenyataan

Dr Mahathir itu merujuk supaya pengurangan penjawat awam berlaku dalam tempoh terdekat.

"Jika kata dikurangkan hari ini atau setahun dua lagi, saya tidak bersetuju, tetapi kenyataan Dr Mahathir itu merujuk kepada tempoh fasa yang bukan ringkas, ia mendatang.

"Saya berharap ia tidak disalah tafsir dan media pun janganlah salah tafsir perkara ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau yakin kenyataan Dr Mahathir berhubung isu penjawat awam tidak akan menjejaskan sokongan pengundi kepada PH dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Semenyih.